

D.R. 42/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej
Universiti 1971.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan
nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat
yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa
daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Universiti dan
Kolej Universiti (Pindaan) 1995.

Tajuk
ringkas,
mula berkuat-
kuasa dan
pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh
yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam
Warta.

(3) Walau apa pun subseksyen (2) Menteri boleh melalui
pemberitahuan dalam *Warta*—

(a) menggantung kuatkuasa; atau

(b) mengecualikan pemakaian,

keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini
berkenaan dengan mana-mana Universiti atau Kolej
Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti
dan Kolej Universiti 1971. *Akta 30.*

(4) Jika Menteri menggantung atau mengecualikan mana-mana peruntukan Akta ini berkenaan dengan mana-mana Universiti atau Kolej Universiti di bawah subseksyen (3), Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa ubahsuaian untuk melaksanakan peruntukan yang tidak tertakluk kepada penggantungan atau pengecualian itu.

Tafsiran.

2. (1) Bagi maksud Akta ini, "tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(2),

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini digantung atau dikecualikan di bawah subseksyen 1(3), tarikh yang ditetapkan bagi peruntukan itu hendaklah tarikh mula berkuatkuasanya peruntukan itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan
seksyen 2.
Akta 30.

3. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan menggantikan takrif "Canselor" dengan takrif yang berikut:

' "Canselor", berhubungan dengan sesuatu Universiti, ertinya Canselor Universiti itu dan termasuklah mana-mana orang lain, dengan nama apa jua disebut, yang dilantik sebagai Ketua sesuatu Universiti dan "Pro-Canselor" hendaklah ditafsirkan sewajarnya;';

(b) dengan menggantikan takrif "Fakulti" dengan takrif yang berikut:

' "Fakulti". berhubungan dengan sesuatu Universiti, ertinya Fakulti Universiti itu dan termasuklah Sekolah, Pusat. Akademi dan Institut Universiti itu dan berhubungan dengan

Kampus Universiti termasuklah mana-mana bahagian Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang ditetapkan bagi Kampus itu;'

(c) dalam takrif "Kampus", dengan menggantikan perkataan "jika kandungan ayatnya berkenaan" dengan perkataan "berhubungan";

(d) dengan memasukkan selepas takrif "Kampus", takrif yang berikut:

' "Lembaga", berhubungan dengan sesuatu Universiti, ertinya Lembaga Pengarah Universiti itu yang ditubuhkan mengikut Perlembagaan Universiti itu;'

(e) dengan memotong takrif "Majlis Universiti";

(f) dengan menggantikan takrif "Naib Canselor" dengan takrif yang berikut:

' "Naib Canselor", berhubungan dengan sesuatu Universiti, ertinya Naib Canselor, Presiden, Rektor atau Pengarah Universiti itu dan termasuklah mana-mana orang lain, dengan nama apa jua disebut, yang dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif Universiti itu dan "Timbalan Naib Canselor" hendaklah ditafsirkan sewajarnya;'

(g) dengan memasukkan selepas takrif "Naib Canselor", takrif yang berikut:

' "pelajar" ertinya seseorang pelajar berdaftar yang mengikuti kursus pengajian secara sepenuh masa atau sambilan di Universiti;'

(h) dengan menggantikan takrif "Perlembagaan" dengan takrif yang berikut:

' "Perlembagaan", berhubungan dengan sesuatu Universiti, ertinya Perlembagaan

Universiti itu yang secara substansialnya adalah dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;';

- (i) dengan memotong takrif "Pro-Canselor"; dan
- (j) dalam takrif "Senat", dengan menggantikan perkataan "jika kandungan ayatnya berkenaan" dengan perkataan "berhubungan".

Pindaan
seksyen 3.

4. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "ini" dan sebelum noktah perkataan "dan hendaklah melaksanakan apa-apa dasar, strategi dan garis panduan kebangsaan mengenai pendidikan tinggi yang dibentuk atau ditentukan oleh suatu pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud itu".

Pindaan
seksyen 5.

5. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "ini", perkataan "atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawalselia penubuhannya".

Pindaan
seksyen 5A

6. Subseksyen 5A(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sesuatu" dengan perkataan "mana-mana institusi pelajaran tinggi swasta yang diberikan taraf Universiti atau Kolej Universiti di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan mana-mana".

Pindaan am.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Majlis Universiti" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "Lembaga".

Perubahan
pihak berkuasa
eksekutif
Universiti.

8. Segala sebutan mengenai Majlis Universiti dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, suratan, bon, perjanjian dan perkiraan pengusahaan yang wujud sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Lembaga Pengarah Universiti.

- 9.** Pertukaran nama dan perubahan pihak berkuasa eksekutif daripada Majlis Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti tidaklah menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Majlis Universiti atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya. Hak, dsb. Majlis tidak tersentuh dan prosiding undang-undang tidak menjadi cacat.
- 10.** Prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Majlis Universiti sebelum tarikh yang ditetapkan, boleh diteruskan atau dimulakan atas nama Lembaga Pengarah Universiti. Prosiding undang-undang hendaklah diteruskan atas nama Lembaga.
- 11.** Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Majlis Universiti boleh, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Lembaga Pengarah Universiti. Tanggungan boleh dikuatkuasakan terhadap Lembaga.
- 12.** Segala tanah, harta dan aset yang sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan terletak pada atau dirizabkan bagi Majlis Universiti atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terletak pada atau dirizabkan bagi Lembaga Pengarah Universiti atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahakan, atau pemindahmilikan. Perletakhakan tanah, harta dan aset pada Lembaga.
- 13.** Perenggan 7(1)(c) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pajakan,", perkataan "subsidi, legasi,". Pindaan seksyen 7.
- 14.** Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Jadual" di mana-mana jua terdapat dalamnya, perkataan "Pertama". Pindaan seksyen 8.
- 15.** Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta" yang terdapat selepas perkataan "Statut," dengan perkataan "Kaedah". Pindaan seksyen 10.

Pindaan seksyen 15D. **16.** Seksyen 15D Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (9).

Seksyen 16A baru. **17.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 16A dengan seksyen yang berikut:

"Tatatertib kakitangan, pegawai dan pekerja Universiti. 6A. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas tiap-tiap kakitangan, pegawai dan pekerja Universiti dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan kesemua orang itu mengikut Akta ini dan apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen 16C.

(2) Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori yang berlainan kakitangan, pegawai dan pekerja.

(3) Jawatankuasa tatatertib hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara berhubungan dengan tatatertib tiap-tiap kakitangan, pegawai dan pekerja yang diletakkan di bawah bidang kuasanya,

(4) Seseorang kakitangan, pegawai atau pekerja yang menjadi ahli sesuatu jawatankuasa tatatertib tidak boleh berpangkat lebih rendah daripada mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja yang ke atasnya jawatankuasa tatatertib itu mempunyai kuasa tatatertib.

(5) Dalam apa-apa hal jika seseorang ahli jawatankuasa tatatertib itu sendiri merupakan pengadu dalam apa-apa prosiding tatatertib di hadapan jawatankuasa tatatertib itu, maka dia tidak boleh hadir dalam prosiding itu dan Lembaga hendaklah melantik mana-mana orang lain untuk mengambil bahagian dalam prosiding itu.

(6) Subseksyen (4) hendaklah terpakai bagi mana-mana orang lain yang dilantik ke jawatankuasa tatatertib di bawah subseksyen (5).

(7) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, jawatankuasa tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman tatatertib yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 16c.

(8) Jawatankuasa tatatertib tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan Canselor, Pro-Canselor dan Naib Canselor.

(9) Mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja yang tak berpuas hati dengan keputusan jawatankuasa tatatertib boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian keputusan itu kepadanya, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga.

(10) Apabila Lembaga menimbangkan apa-apa rayuan di bawah subseksyen (9), ahli jawatankuasa tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam apa-apa cara dalam apa-apa prosiding berhubung dengan rayuan itu.

(11) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib atau memberikan apa-apa arahan tentang rayuan itu sebagaimana yang difikirkan patut dan wajar.

(12) Keputusan Lembaga atas sesuatu rayuan adalah muktamad."

Peruntukan
peralihan
berhubungan
dengan
perubahan
pihak
berkuasa
tatatertib.

18. (1) Jika pada tarikh yang ditetapkan, prosiding tatatertib sedang didengar di hadapan, atau telah didengar tetapi tiada lagi perintah atau keputusan dibuat atasnya oleh—

- (a) Jawatankuasa Tatatertib di bawah subseksyen 16A(2) Akta ibu; atau
- (b) mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau mana-mana lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang kepadanya fungsi tatatertib telah diwakilkan di bawah subseksyen 16A(3) Akta ibu,

maka prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib atau kakitangan, pegawai atau pekerja itu atau lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pindaan kepada subseksyen 16A(1), (2) dan (3) Akta ibu hendaklah dianggap seolah-olah tidak dibuat.

(3) Mengenai subseksyen (1), bagi maksud menyempurnakan pendengaran di hadapannya, atau membuat perintah atau memberikan keputusan atas perkara yang didengarnya sebelum tarikh yang ditetapkan—

- (a) Jawatankuasa Tatatertib; dan
- (b) kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang kepadanya fungsi tatatertib telah diwakilkan,

hendaklah menyempurnakan pendengaran itu mengikut kuasa yang terletak hak padanya sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan dan boleh membuat apa-apa perintah atau keputusan yang boleh dibuat olehnya di bawah kuasa yang terletak hak padanya sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan.

(4) Prosiding tatatertib yang sepatutnya dimulakan di hadapan—

(a) Jawatankuasa Tatatertib; dan

(b) kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang kepadanya fungsi tatatertib telah diwakilkan,

sebelum tarikh yang ditetapkan, tetapi tidak dimulakan sedemikian boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan, dimulakan dan diteruskan di bawah dan dengan mematuhi seksyen 16A sebagaimana yang dipinda dalam Akta ini.

(5) Jika pada tarikh yang ditetapkan rayuan tatatertib di bawah subseksyen 16A(5) Akta ibu sedang didengar atau telah didengar di hadapan Majlis Universiti tetapi belum lagi ada perintah atau keputusan dibuat atasnya, maka rayuan itu hendaklah diteruskan di hadapan Majlis Universiti melainkan jika perayu bersetuju diadakan suatu perbicaraan semula di hadapan Lembaga.

(6) Jika sesuatu rayuan yang disebut di bawah subseksyen (5) diteruskan di hadapan Majlis Universiti, maka pindaan yang menyentuh kuasa Majlis Universiti di bawah subseksyen 16A(5) Akta ibu hendaklah dianggap seolah-olah tidak dibuat.

(7) Mengenai subseksyen (5), bagi maksud menyempurnakan pendengaran rayuan di hadapannya, atau membuat perintah atau memberikan keputusan atas rayuan yang didengar di hadapannya sebelum tarikh yang ditetapkan, Majlis Universiti hendaklah menyempurnakan pendengaran rayuan itu mengikut kuasa yang terletak hak padanya sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan dan boleh membuat apa-apa perintah atau keputusan yang boleh dibuat olehnya di bawah kuasa yang terletak hak padanya sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan.

(8) Rayuan yang sepatutnya dibawa di hadapan Majlis Universiti di bawah subseksyen 16A (5) Akta ibu sebelum tarikh yang ditetapkan, tetapi tidak dibawa sedemikian boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan, dibawa di hadapan Lembaga.

(9) Rayuan yang disebut dalam subseksyen (8) yang dibawa selepas tempoh yang dinyatakan dalamnya tidak boleh dibenarkan.

(10) Jika hak untuk merayu terakru terhadap keputusan—

- (a) Jawatankuasa Tatatertib; atau
- (b) kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang kepadanya fungsi tatatertib telah diwakilkan,

berkenaan dengan prosiding yang disebut dalam subseksyen (1), rayuan itu boleh dimulakan di bawah dan dengan mematuhi seksyen 16A sebagaimana yang dipinda dalam Akta ini.

Pindaan
seksyen 16B.

19. Seksyen 16B Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Pihak berkuasa tatatertib Universiti berkenaan dengan tiap-tiap pelajar Universiti ialah Naib Canselor.";

- (b) dengan memotong perkataan "Timbalan" dalam subseksyen (2);

- (c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan memotong perkataan "Timbalan" di mana-mana jua terdapat dalamnya;

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "mana-mana" dan sebelum perkataan "kakitangan", perkataan "Timbalan Naib Canselor, mana-mana";

- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan "dan" dan sebelum perkataan "kakitangan", perkataan "Timbalan Naib Canselor,";
- (iv) dengan memasukkan selepas perkataan "kesimpulan", perkataan "Timbalan Naib Canselor,"; dan
- (v) dalam proviso, dengan menggantikan koma dengan perkataan "atau" dan dengan memotong perkataan "atau Naib Canselor"; dan

(d) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan memotong perkataan "Timbalan"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "boleh" dan sebelum perkataan "merayu", perkataan ", dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian keputusan itu kepadanya,".

20. (1) Jika pada tarikh yang ditetapkan, prosiding tatatertib sedang didengar di hadapan, atau telah didengar tetapi belum lagi ada perintah atau keputusan dibuat atasnya oleh—

- (a) Timbalan Naib Canselor di bawah subseksyen 16B(2) Akta ibu; atau
- (b) mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau mana-mana lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang kepadanya fungsi tatatertib telah diwakilkan di bawah subseksyen 16B(3) Akta ibu,

Peruntukan peralihan berhubung dengan prosiding yang belum selesai di hadapan, dan rayuan terhadap keputusan, Timbalan Naib Canselor, dsb.

maka prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan Timbalan Naib Canselor atau kakitangan, pegawai atau pekerja itu atau lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pindaan kepada subseksyen 16B(1), (2) dan (3) Akta ibu hendaklah dianggap seolah-olah tidak dibuat.

(3) Mengenai subseksyen (1), bagi maksud menyempurnakan pendengaran di hadapannya atau membuat perintah atau memberikan keputusan atas perkara yang didengarnya sebelum tarikh yang ditetapkan—•

(a) Timbalan Naib Canselor; dan

(b) kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang kepadanya fungsi tatatertib telah diwakilkan,

hendaklah menyempurnakan pendengaran itu mengikut kuasa yang terletak hak padanya sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan dan boleh membuat apa-apa perintah atau keputusan yang boleh dibuat olehnya di bawah kuasa yang terletak hak padanya sebaik sahaja sebelum tarikh yang ditetapkan.

(4) Prosiding tatatertib yang sepatutnya dimulakan di hadapan—

(a) Timbalan Naib Canselor; atau

(b) kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau lembaga kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang kepadanya fungsi tatatertib telah diwakilkan,

sebelum tarikh yang ditetapkan, tetapi tidak dimulakan sedemikian boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan, dimulakan dan diteruskan di bawah dan dengan mematuhi seksyen 16B sebagaimana yang dipinda dalam Akta ini.

(5) Rayuan yang sepatutnya dibawa di bawah subseksyen 16B(4) Akta ibu sebelum tarikh yang ditetapkan, tetapi tidak dibawa sedemikian boleh, dibawa dalam masa tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan.

(6) Rayuan yang disebut dalam subseksyen (5) yang dibawa selepas tempoh yang dinyatakan dalamnya tidak boleh dibenarkan.

(7) Jika suatu hak untuk merayu terakru terhadap keputusan Timbalan Naib Canselor yang dibuat berkenaan dengan prosiding yang disebut dalam subseksyen (1), rayuan itu boleh dibawa dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian keputusan itu dan hendaklah dimulakan di bawah dan dengan mematuhi seksyen 16B sebagaimana yang dipinda dalam Akta ini.

(8) Rayuan yang disebut dalam subseksyen (7) yang dibuat selepas tempoh yang dinyatakan dalamnya tidak boleh dibenarkan.

21. Semua kaedah tatatertib yang dibuat oleh Majlis Universiti di bawah seksyen 16C Akta ibu hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti dan hendaklah terus berkuatkuasa sehinggalah dipinda atau dibatalkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

Peruntukan peralihan berhubung dengan kaedah-kaedah tatatertib.

22. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16C seksyen yang berikut:

Seksyen baru 16D.

"Surcaj. **16D.** (1) Seseorang yang merupakan atau pernah menjadi kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti boleh disurcaj jika didapati oleh Lembaga bahawa orang itu—

- (a) telah tidak memungut wang yang terhutang kepada Universiti yang pemungutannya adalah atau pernah menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang tak sepatutnya daripada Universiti atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau secara tak langsung, atas apa-apa kekurangan pada, atau atas pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta lain Universiti;

- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah bertanggungjawab atas apa-apa kelewatan membuat pembayaran daripada Universiti, wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang, kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Universiti.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum orang itu disurcay, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcay.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis di bawah subseksyen (2), Lembaga boleh—

- (a) dalam hal subseksyen (1)(a), (b) dan (c), mengsurcaykan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau pembayaran tak sepatutnya yang dibuat, atau kekurangan nilai, atau pemusnahan yang disebabkan pada wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta lain; dan
- (b) dalam hal subseksyen (1)(d) dan (e), mengsurcaykan terhadap orang itu, sejumlah wang yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcay itu berkenaan dengan apa-apa surcay yang dibuat di bawah subseksyen (3).

(5) Walau apa pun subseksyen (3) dan (4), Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang dikenakan dengannya suatu penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika selainnya ternyata bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu akan penarikan balik itu.

(6) Jika amaun apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (3) tidak ditarik balik di bawah subseksyen (5), ia hendaklah disifatkan menjadi hutang yang kena dibayar kepada Universiti daripada orang yang disurcaj itu dan boleh didakwa dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Universiti dan boleh juga jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga didapatkan melalui potongan—

(a) gaji orang yang disurcaj; atau

(b) pencen orang yang disurcaj,

dengan bayaran ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji bulanan atau pencen, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

(7) Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Naib Canselor, keahlian Lembaga bagi maksud subseksyen (1) hingga (6) tidak termasuk Naib Canselor.

(8) Bagi maksud subseksyen (1)(d), "pegawai perakaunan" termasuklah tiap-tiap kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang dipertanggungkan dengan kewajipan memungut, menerima, atau mengakaunkan, atau yang pada

hakikatnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang Universiti, atau yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan membayar, atau yang pada hakikatnya membayar, apa-apa wang itu, dan tiap-tiap kakitangan, pegawai atau pekerja yang dipertanggungjawabkan untuk menerima, menjaga atau melupuskan, atau mengakaunkan, apa-apa wang, setem, sekuriti, barang simpanan dan harta Universiti atau yang pada hakikatnya menerima, memegang atau melupuskan wang, setem, sekuriti, barang simpanan dan harta itu."

Pindaan
seksyen 19.

23. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "ini", perkataan "atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawalselia penubuhannya".

Pindaan
seksyen 22.

24. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "16c", perkataan ",16D";

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) sebutan mengenai "Lembaga" hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai badan eksekutif Kolej Universiti;" dan

(c) dalam perenggan (b)—

(i) dengan menggantikan perkataan "dan" dengan koma; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "Naib Canselor" perkataan 'dan "Timbalan Naib Canselor" ' .

Pindaan
seksyen 23.

25. Subseksyen 23(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "ini", perkataan "atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawalselia penubuhannya".

26. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dan (2) dengan memasukkan selepas perkataan "ini", perkataan "atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawalselia penubuhannya".

Pindaan seksyen 24.

27. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 24A, 24B, 24C dan 24D.

Penyam-
paian.

24A. (1) Penyampaian apa-apa notis di bawah Akta ini hendaklah dilaksanakan melalui pos berdaftar kepada orang yang terjejas olehnya dan hendaklah disifatkan telah disampaikan pada hari yang berikutan hari notis itu sepatutnya dihantar dalam perjalanan biasa pos.

(2) Jika seseorang yang kepadanya dialamatkan suatu surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis yang boleh diberikan di bawah Akta ini diberitahu hakikat tentang adanya surat berdaftar yang menantinya, di pejabat pos, dan jika orang itu enggan atau mengabaikan untuk mengambil surat berdaftar itu, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh yang dia dimaklumkan sedemikian.

Akta
Perlindungan
Pihak
Berkuasa
Awam 1948.
Akta 198.

24B. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Universiti, Lembaga, Senat, mana-mana ahli Lembaga atau Senat, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Perbuatan
atau
peninggalan
yang
dilakukan
dengan suci
hati.

24C. Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan di dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Lembaga;
- (b) ahli Lembaga;
- (c) Naib Canselor;
- (d) Timbalan Naib Canselor;
- (e) Senat;
- (f) ahli Senat;
- (g) kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti; dan
- (h) seseorang yang diberikuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak mana-mana badan atau orang di bawah perenggan (a) hingga (g),

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati pada menunaikan kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini dengan kepercayaan munasabah bahawa tindakan itu adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya.

Pengkhidmat
awam.

24D. Semua ahli Lembaga dan Senat, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, kakitangan, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Universiti semasa menunaikan fungsi mereka sebagai ahli, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, kakitangan, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja, hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan."

*N.M.B.
Bab 45.*

28. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 26.

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "perintah,", perkataan "yang disiarkan dalam *Warta*"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "Jadual", perkataan "Pertama dan Kedua".

29. Jadual kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
Jadual.

- (a) dalam tajuk, dengan memasukkan selepas perkataan "JADUAL", perkataan "PERTAMA";
- (b) dalam seksyen 2—
 - (i) dengan memotong takrif "Akta";
 - (ii) dengan memasukkan sebelum takrif "Pihak Berkuasa", takrif yang berikut;

' "Alumni Universiti" ertinya Alumni Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 22;' ;

- (hi) dalam takrif "Kerusi", dengan memasukkan selepas perkataan "profesor", perkataan ", bagaimana jua pun digelar";
- (iv) dengan memotong takrif "Majlis", "Jemaah", "Fakulti" dan "Yayasan";
- (v) dengan memasukkan selepas takrif "Konvokesyen", takrif yang berikut:

' "guru" ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru oleh Lembaga mengikut Perlembagaan ini, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, penolong profesor, reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi, dan tutor;';

- (vi) dengan memasukkan selepas takrif "Hari Penubuhan", takrif yang berikut:
 - ' "Kaedah" ertinya apa-apa Kaedah yang dibuat mengikut Perlembagaan ini;'
- (vii) dengan memotong takrif "Yayasan";
- (viii) dalam takrif "Pegawai"—
 - (aa) dengan memasukkan selepas perkataan "Fakulti,", perkataan "Ketua Sekolah, Pusat, Akademi, Institut,";
 - (bb) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "or" yang terdapat selepas perkataan "holder" perkataan "of; dan
 - (cc) dengan-memasukkan selepas perkataan "Statut", perkataan "atau selainnya"; dan
- (ix) dengan memotong takrif "Senat" dan "Guru";
- (c) dengan menggantikan perkataan "Akta" dan "AKTA" di mana-mana jua terdapat dalamnya masing-masing dengan perkataan "Kaedah-Kaedah" dan "KAEDAH-KAEDAH";
- (d) dengan menggantikan perkataan "Majlis" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "Lembaga";
- (e) dalam seksyen 3, dengan memotong perkataan "dan ahli-ahli pada masa itu bagi Jemaah";
- (f) dalam subseksyen 4(1)—
 - (i) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan "luar", perkataan ", sijil dan lain-lain kepujian akademik"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (k), perenggan yang berikut:

"(ka) memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada kakitangan, pegawai dan pekerjanya;

(kb) memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh Menteri;

(kc) menjalankan penyelidikan dan pengeluaran komersil bagi pemajuan dan penggunaan yang efektif akan hasil penyelidikannya;"

(g) dengan memasukkan selepas seksyen 4, seksyen yang berikut:

"Kuasa tambahan Universiti. 4A. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan—

(a) jika didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan penunaian fungsi, penjalanan kuasa dan pelaksanaan aktiviti Universiti, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usahasama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama-sama dengan, atau selainnya—

(i) sesuatu enterprais, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;

- (ii) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
 - (iii) badan atau pihak berkuasa awam;
 - (iv) suruhanjaya; atau
 - (v) seseorang;
- Akta 125.*
- (b) menubuhkan atau mengganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Universiti;
 - (c) menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan bertanggungjawab bagi mengendalikan dan menguruskan apa-apa harta, projek, skim atau perusahaan yang pada pendapat Lembaga bermanfaat dan berfaedah kepada Universiti;
 - (d) meminjam atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma yang diluluskan oleh Lembaga, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Universiti bagi menjelaskan tanggungannya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya;
 - (e) mendapatkan pinjaman di bawah perenggan (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan nilai atau untuk menggadaikan, menggadaikan, menyandarkan atau

selainnya mengadakan lien ke atas harta alih atau tak alihnya, alas apa-apa terma yang difikirkan suaimanfaat oteh Lembaga;

- (f) memperolehi dan memegang bagi pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan dan sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh—
- (i) mana-mana syarikat atau perusahaan swasta atau mana-mana sindiket orang yang di tubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
 - (ii) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
 - (iii) pemerintah berdauiat;
 - (iv) suruhanjaya; dan
 - (v) badan atau pihak berkuasa awam;
- (g) memperolehi syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) melalui langganan asal, tender, pembelian, pemindahmilikan, pertukaran atau selainnya;
- (h) menjalankan dan pada amnya menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan melalui atau bersampingan dengan pemunyaan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) dan khususnya untuk menjual,

memindahmilikkan, menukar-kan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu; dan

- (i) membeli, menyewa atau menyewaguna atau selainnya memperolehi dan melabur dalam apa-apa harta tanah dan harta diri yang difikirkan perlu atau sesuai bagi mana-mana maksud Universiti.

(2) Peruntukan seksyen 4B hendaklah terpakai bagi perbadanan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1)(b).

Peruntukan
berhubungan
dengan
perbadanan.

4B. (1) Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh yang padanya mana-mana perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 4A(1)(c), menetapkan melalui peraturan-peraturan—

- (a) maksud dan tujuan yang baginya perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Universiti dan hak kawalan oleh Lembaga ke atas perbadanan itu.

(2) Apa-apa peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu dibuat di bawah Perlembagaan ini.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan, atau menambah kepada, apa-apa peraturan yang dibuat berkenaan dengan mana-mana perbadanan di bawah subseksyen (1).

(4) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, mengarahkan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan di-bubarkan.

(5) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah subseksyen (4), aset perbadanan itu hendaklah dipindahmilikkan kepada dan terletak pada Universiti selepas dijelaskan segala tanggungannya.

(6) Penggulungan perbadanan di bawah subseksyen (4) hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Lembaga melalui peraturan-peraturan.

(7) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(8) Tiap-tiap Perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 4A(1)(c)-

(a) hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang hendaklah diberikan oleh Lembaga kepada perbadanan itu;

(b) hendaklah kekal turun-temurun;

(c) hendaklah mempunyai meterai biasa;

- (d) boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya;
- (e) boleh membuat kontrak;
- (f) boleh memegang, dan membuat apa-apa urusan mengenai atau dengan, apa-apa harta alih atau tak alih; dan
- (g) boleh membuat segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak tak konsisten dengan Perlembagaan ini,

tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang dinyatakan oleh Lembaga dalam setiap hal.

(9) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa tanda yang ditentukan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

(10) Meterai biasa itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu oleh perbadanan, sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

(11) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan di bawah subseksyen (9) suatu cap yang mengandungi nama perbadanan melingkungi huruf "UNIVERSITI ..." boleh digunakan sebagai meterai biasanya.

(12) Meterai biasa, atau cap yang disebut dalam subseksyen (11) hendaklah disimpan dalam jagaan mana-mana orang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu.

(13) Segala suratikatan, surat dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (12) hendaklah, disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(14) Apa-apa surat atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang serupa itu oleh perbadanan; dan surat atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekerja perbadanan yang diberikuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(15) Meterai tiap-tiap perbadanan hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penjalanan
pengajian,
dsb. bersama-
sama, dsb
dengan
mana-mana
Universiti

4C. Universiti boleh, dengan kelulusan Menteri, menjalankan apa-apa kursus pengajian atau program latihan bersesama atau bersama-sama dengan, secara bergabung, secara usahasama atau selainnya, dengan mana-mana Universiti atau yayasan pelajaran tinggi atau yayasan pelajaran atau organisasi lain di dalam atau di luar Malaysia.";

(h) dalam seksyen 6—

- (i) dengan memasukkan selepas subseksyen (3), subseksyen yang berikut:

"(3A) Jika suratcara atau suratn yang disebut dalam subseksyen (3) ialah suatu ijazah, skrol diploma, sijil atau lain-lain kepujian akademik, meterai Universiti hendaklah dicapkan padanya di hadapan Naib Canselor dan seorang pegawai kanan yang diberikuasa oleh Naib Canselor."; dan

- (ii) dalam subseksyen (5), dengan memotong perkataan "bagi pihaknya dan lagi dengan syarat bahawa nama pegawai atau orang yang diberikuasa demikian itu telah diwartakan dengan sempurnanya";

(i) dalam seksyen 7—

- (i) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Maka hendaklah ada seorang Canselor yang hendaklah menjadi Ketua Universiti dan apabila hadir hendaklah mempengerusikan mana-mana Konvokesyen dan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa lain dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Perlembagaan ini atau mana-mana Statut, Kaedah atau Peraturan."; dan

- (ii) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "Agong" dan sebelum perkataan "selama", perkataan ", atas nasihat Menteri,";

(j) dalam subseksyen 8(1), dengan memasukkan selepas perkataan "melantik", perkataan , "atas nasihat Menteri,";

(k) dalam seksyen 9—

(i) dalam subseksyen (1)—

(aa) dengan memotong perkataan "Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat"; dan

(bb) dengan menggantikan perkataan "yang diberi" dengan koma;

(ii) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "pegawai utama kerja" dengan perkataan "ketua pegawai eksekutif"; dan

(iii) dalam subseksyen (7)—

(aa) dengan memotong perkataan "Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat"; dan

(bb) dengan menggantikan perkataan "yang diberi"; dengan koma;

(l) dalam subseksyen 10(2), dengan menggantikan perkataan "Lembaga" dengan perkataan "Jawatankuasa";

(m) dalam seksyen 12 —

(i) dalam subseksyen (1)—

(aa) dengan memotong perkataan "Jemaah,";

(bb) dengan menggantikan perkataan "Yayasan" dengan perkataan "Sekolah, Pusat, Akademi, Institut"; dan

(cc) dengan menggantikan perkataan "Lembaga" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "Jawatankuasa"; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen yang berikut:

"(3) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi ahli Pihak Berkuasa yang bukan *ex-officio*";

- (n) dengan menggantikan seksyen 13, 14 dan 15 dengan seksyen yang berikut:

"Lembaga Pengarah. 13. Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada—

- (a) Pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) dua orang yang mewakili Kerajaan;
- (d) seorang yang mewakili komuniti di tempat Universiti itu ditempatkan; dan
- (e) tidak lebih daripada tiga orang yang kerana pengetahuan atau pengalaman mereka boleh, pada pendapat Menteri, membantu Lembaga, sekurang-kurangnya seorang daripada mereka daripada sektor swasta.

Peruntukan berhubung dengan Lembaga. 14. (1) Perlantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu ahli Lembaga itu adalah layak dilantik semula.

(2) Setiausaha Lembaga, yang boleh jadi seorang ahli Lembaga atau bukan ahli Lembaga, hendaklah dilantik oleh Pengerusi.

(3) Pengerusi dan tiga ahli lain Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi apa-apa mesyuarat Lembaga.

(4) Ahli Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga boleh menentukan prosedurnya sendiri.

Penjalanan
sementara
fungsi
Pengerusi

15. (1) Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga untuk menjalankan fungsi Pengerusi semasa apa-apa tempoh yang Pengerusi kerana apa-apa sebab tidak dapat menjalankan fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi.

(2) Seseorang ahli yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (1) hendaklah, semasa tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi, di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.";

(o) dalam seksyen 16—

- (i) dengan menomborkan semula seksyen "16" sebagai "16.(1)";
- (ii) dengan menggantikan noktah bertindih di hujung subseksyen (1) dengan noktah; dan
- (iii) dengan menggantikan proviso dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, melainkan jika Senat terlebih dahulu diberikan peluang mencatatkan dan menghantarkan pendapatnya kepada Lembaga mengenai perkara itu.";

(p) dalam seksyen 17—

- (i) dengan menggantikan perenggan (1) (b), (c) dan (d) dengan perenggan yang berikut:

"(b) semua Timbalan Naib Canselor;

(c) semua Dekan Fakulti dan semua Ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti; dan

(d) tidak lebih daripada dua puluh professor yang hendaklah ditentukan oleh Naib Canselor";

- (ii) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Naib Canselor boleh dari semasa ke semasa mengko-opt mana-mana orang lain menjadi ahli Senat atau menghadiri mesyuarat Senat.

(1B) Dalam masa ketakhadiran Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat."; dan

- (iii) dalam subseksyen (2)—

(aa) dengan menggantikan perkataan "dan" yang terdapat selepas perkataan "diploma" dengan koma; dan

(bb) dengan memasukkan selepas perkataan "sijil-sijil", perkataan "dan lain-lain kepujian akademik";

(q) dalam seksyen 18—

(i) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut;

"Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut.";

(ii) dalam subseksyen (1)—

(aa) dengan memotong perkataan "Yayasan dan"; dan

(bb) dengan memasukkan selepas perkataan "Sekolah", perkataan ", Pusat, Akademi dan Institut";

(iii) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen yang berikut;

"(1A) Universiti boleh, selepas berunding dengan Jawatankuasa Pengajian, menubuhkan jabatan atau unit atau badan lain berkenaan dengan suatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut.";

(iv) dalam subseksyen (2)—

(aa) dengan memotong perkataan "Yayasan atau" di mana-mana jua terdapat dalamnya; dan

(bb) dengan memasukkan selepas perkataan "Sekolah", perkataan ", Pusat, Akademi dan Institut";

(v) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "Timbalan Dekan" dan sebelum perkataan "menjalankan", perkataan "atau mana-mana pegawai kanan lain yang dilantik oleh Naib Canselor";

(vi) dalam subseksyen (4)—

(aa) dengan memotong perkataan "Yayasan atau" di mana-mana jua terdapat dalamnya; dan

(bb) dengan memasukkan selepas perkataan "Sekolah", perkataan ", Pusat, Akademi dan Institut"; dan

(vii) dalam subseksyen (5)—

(aa) dengan memotong perkataan "Yayasan atau" ;

(bb) dengan memasukkan selepas perkataan " Sekolah", perkataan ", Pusat, Akademi dan Institut"; dan

(cc) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "empat";

(r) dengan menggantikan seksyen 19 dengan seksyen yang berikut:

^{"Jawatankuasa Pengajian.} 19. Suatu Jawatankuasa Pengajian boleh dilantik oleh Senat bagi mana-mana maksud yang berikut:

(a) untuk menguruskan perkara mengenai mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut; dan

(b) untuk menimbangkan cadangan yang dirujuk kepada Senat bagi penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang baru,

dan dalam mana-mana satu hal, Jawatankuasa Pengajian hendaklah membuat laporan mengenainya kepada Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut, atau kepada Senat, mengikut kehendak keadaan.";

(s) dalam seksyen 20—

- (i) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Lembaga" dengan perkataan "Jawatankuasa";
- (ii) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Jawatankuasa Pemilih bagi maksud perlantikan ke suatu Kerusi hendaklah terdiri daripada—

 - (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi pengerusi;
 - (b) dua ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;
 - (c) Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya Kerusi itu diuntukkan; dan
 - (d) dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat.";
- (iii) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "Lembaga-Lembaga" dengan perkataan "Jawatankuasa"; dan
- (iv) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "Lembaga", perkataan "boleh, atas syor Naib Canselor, melantik Jawatankuasa Pemilih yang berlainan bagi perlantikan yang berlainan dan Jawatankuasa";

(t) dalam seksyen 21—

- (i) dengan menggantikan perkataan "Lembaga" di mana-mana jua terdapat dalamnya termasuk dalam nota birai dengan perkataan "Jawatankuasa"; dan

- (ii) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Senat" dengan perkataan "Lembaga";
- (u) dalam seksyen 22, dengan memasukkan selepas perkataan "Siswazah" di mana-mana jua terdapat dalamnya termasuk dalam nota birai, perkataan "atau Alumni Universiti";
- (v) dengan memasukkan selepas seksyen 23, seksyen yang berikut:
 - "Mesyuarat. 23A. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan mesyuarat sebagaimana yang dan apabila dikehendaki berbuat sedemikian oleh pengerusi Pihak Berkuasa itu.
 - (2) Pengerusi hendaklah mempekerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa dan semasa ketiadaannya ahli-ahli Pihak Berkuasa itu hendaklah melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.
 - (3) Kuorum bagi mesyuarat Pihak Berkuasa, selain daripada Lembaga, hendaklah ditentukan oleh Statut.";
- (w) dengan menggantikan subseksyen 24(2) dengan subseksyen yang berikut:
 - "(2) Pengerusi dan tiap-tiap ahli hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan satu undi setiap seorang, tetapi dalam keadaan bilangan undi sama banyak, pengerusi atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai dan boleh menggunakan undi pemutus.";
- (x) dalam perenggan 25(d), dengan memasukkan selepas perkataan "diploma", perkataan ", sijil";

- (y) dalam seksyen 26—
- (i) dalam perenggan (3)(a)—
 - (aa) dengan memotong perkataan "Yayasan atau"; dan
 - (bb) dengan memasukkan selepas perkataan "Sekolah", perkataan "Pusat, Akademi dan Institut";
 - (ii) dalam perenggan (3)(b)—
 - (aa) dengan memotong perkataan "Yayasan,";
 - (bb) dengan memasukkan selepas perkataan "Sekolah,", perkataan "Pusat, Akademi, Institut,"; dan
 - (cc) dengan menggantikan perkataan "Lembaga" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "Jawatankuasa"; dan
 - (iii) dengan memotong subseksyen (4);
- (z) dalam seksyen 27—
- (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan "diploma", perkataan "sijil";
 - (ii) dalam perenggan (h)—
 - (aa) dengan menggantikan perkataan "dan" yang terdapat selepas perkataan "ijazah" dan sebelum perkataan "diploma" dengan koma; dan

- (bb) dengan memasukkan selepas perkataan "diploma,", perkataan "sijil dan lain-lain kepujian akademik"; dan
- (iii) dalam perenggan (i), dengan memasukkan selepas perkataan "kuliah,", perkataan "perpustakaan, sumber maklumat,";
- (A) dalam seksyen 29—
- (i) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan "Jemaah,";
- (ii) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "Lembaga" yang terdapat selepas perkataan "acara" dan sebelum perkataan "Pemilih" dengan perkataan "Jawatankuasa"; dan
- (iii) dalam subseksyen (3)—
- (aa) dengan memotong perkataan "Yayasan,"; dan
- (bb) dengan menggantikan perkataan , "atau Lembaga" dengan perkataan ", Pusat, Akademi, Institut atau Jawatankuasa";
- (B) dalam subseksyen 39(1), dengan memasukkan selepas perkataan "berwasiat" perkataan ",subsidi, legasi";
- (C) dengan menggantikan seksyen 41 dengan seksyen yang berikut:
- "Bentuk kontrak. 41. Apa-apa kontrak yang melibatkan perbelanjaan Universiti hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani bagi pihak Universiti oleh mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang diberikuasa sewajarnya oleh Lembaga, sama ada secara khusus dalam apa-apa hal tertentu atau secara am bagi semua kontrak di bawah suatu harga tertentu atau selainnya sebagaimana yang ditetapkan dalam pemberikuasaan itu.";

- (D) dengan memotong seksyen 42;
- (E) dalam subseksyen 43(2), dengan menggantikan perkataan "Jemaah dalam mesyuaratnya yang berikutan" dengan perkataan "Menteri";
- (F) dengan memotong subseksyen 44(3);
- (G) dalam subseksyen 45—
- (i) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Lembaga" yang terdapat selepas perkataan "nasihat" dan sebelum perkataan "Pemilih" dengan perkataan "Jawatankuasa"; dan
 - (ii) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "Kaedah", perkataan "atau Statut";
- (H) dalam seksyen 48—
- (i) dengan menggantikan perenggan (2)(a) dengan perenggan yang berikut:
 - "(a) pelajar berdaftar setiap Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut hendaklah memilih melalui undi rahsia yang dijalankan oleh Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebilangan pelajar berdaftar yang sama bilangannya daripada Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu untuk menjadi wakil dalam MPP sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor; dan";
 - (ii) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar Universiti" dengan perkataan "mana-mana pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu,"; dan

- (iii) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (6), dengan memasukkan selepas perkataan "Vice-Chancellor", perkataan "appoint";
- (7) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen 52(3), dengan menggantikan perkataan "Authority" dengan perkataan "authority";
- (J) dalam seksyen 53—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "menerima", perkataan "ijazah,";
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "diploma", perkataan ", sijil"; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen yang berikut:

"(2) Perbuatan skandal dalam subseksyen (1) termasuklah dengan sengaja memberikan mana-mana kakitangan, pegawai, pekerja atau Pihak Berkuasa Universiti apa-apa maklumat atau surat yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material untuk mendapatkan ijazah, diploma, sijil atau lain-lain kepujian akademik daripada Universiti itu."; dan
- (K) dalam seksyen 54, dengan menggantikan perkataan "Canselor" dengan perkataan "Menteri".

Jadual
baru
Kedua.

30. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Pertama, Jadual yang berikut:

" JADUAL KEDUA

(Seksyen 12(3) Perlembagaan)

Hilang
kelayakan.

1. Orang yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi ahli sesuatu Pihak Berkuasa Universiti:

- (a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) kesalahan di bawah undang-undang berhubung dengan rasuah;
 - (iii) kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun;
- (b) jika dia menjadi bankrap;
- (c) jika dia didapati atau ditetapkan tak sempurna akal atau selainnya tak berupaya untuk menguruskan hal-ehwalnya.
- Terhenti menjadi ahli.
2. Seseorang ahli Pihak Berkuasa hendaklah terhenti menjadi ahli—
- (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran pegerusi Pihak Berkuasa itu; atau
 - (b) jika perlantikannya dibatalkan,
- Perletakkan jawatan.
3. Seseorang ahli Pihak Berkuasa boleh meletakkan jawatan dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada pengerusi Pihak Berkuasa.
- Pengisian kekosongan.
4. Jika mana-mana orang terhenti menjadi ahli Pihak Berkuasa oleh sebab peruntukan Akta ini, seseorang lain boleh dilantik untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh selebihnya yang ahli itu dilantik.
- Elaun.
5. Ahli-ahli Pihak Berkuasa hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.
- Pihak Berkuasa boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat.
6. (1) Pihak Berkuasa boleh mengundang mana-mana orang menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Pihak Berkuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidaklah berhak mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Minit. 7. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Pihak Berkuasa berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Pendedahan
kepentingan. 8. (1) Seseorang ahli Pihak Berkuasa yang, secara langsung atau secara tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya—

(a) sesuatu kepentingan dalam syarikat atau perusahaan yang dengannya Pihak Berkuasa itu bercadang hendak membuat sesuatu kontrak; atau

(b) sesuatu kepentingan dalam kontrak atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa,

hendaklah mendedahkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Pihak Berkuasa.

(2) Sesuatu pendedahan di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Pihak Berkuasa dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh pengerusi, ahli

itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan Pihak Berkuasa berhubung dengan kontrak atau perkara itu.

Kesahan
perbuatan
dan
prosiding.

9. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada kekosongan dalam keahlian, atau ada kecacatan dalam penubuhan, Pihak Berkuasa;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 8 oleh seseorang ahli Pihak Berkuasa; atau
- (c) ada peninggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit perkara itu."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ("Akta").

1. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan bertujuan membenarkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Akta. Walau bagaimanapun Menteri boleh, melalui perintah, menggantung kuatkuasa, atau mengecualikan pemakaian, keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta berkenaan dengan mana-mana Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta.

2. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan istilah "tarikh yang ditetapkan" yang bererti tarikh mula berkuatkuasanya Akta.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif baru tertentu dan meminda takrif tertentu yang sedia ada yang digunakan dalam Akta, yang lebih penting adalah seperti berikut:

- (a) takrif "Lembaga" yang merujuk kepada Lembaga Pengarah Universiti sebagai pihak berkuasa eksekutif baru Universiti yang menggantikan Majlis Universiti;

- (b) takrif "Fakulti" yang termasuklah Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti; dan
- (c) takrif "Naib Canselor" sebagai ketua pegawai eksekutif Universiti yang boleh juga digelar sebagai Presiden, Rektor atau Pengarah Universiti.

4. *Fasal 4* menghendaki Menteri, pada menjalankan tanggungjawabnya atas pengarah am pendidikan tinggi dan pentadbiran Akta di bawah seksyen 3, bertindak mengikut dasar, strategi dan garis panduan kebangsaan mengenai pendidikan tinggi yang digubal atau dibentuk atau ditentukan oleh suatu pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis bagi maksud itu.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 5 Akta yang merujuk kepada mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud mengecualikan institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis itu.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen 5A(1) untuk mengadakan peruntukan tentang ketakpakaian Akta bagi mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta yang ditubuhkan dan diberikan taraf Universiti di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

7. *Fasal 7* ialah pindaan am untuk menggantikan sebutan mengenai "Majlis Universiti" di mana-mana jua terdapat dalam Akta dengan sebutan mengenai "Lembaga".

8. *Fasal 8* bertujuan memberi kesan kepada pertukaran kuasa eksekutif Universiti daripada Majlis Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti. dan memperuntukkan bahawa segala sebutan mengenai pihak berkuasa eksekutif yang lama hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pihak berkuasa eksekutif yang baru.

9. *Fasal 9* dan *10* adalah berhubungan dengan hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi Majlis Universiti, dan prosiding undang-undang oleh atau terhadap Majlis Universiti, yang tidak terjejas dengan pertukaran kuasa eksekutif ini.

10. *Fasal 11* bertujuan memperuntukkan bahawa segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh Majlis Universiti boleh dikuatkuasakan terhadap Lembaga Pengarah Universiti.

11. Begitu juga dengan *fasal 12* yang memperuntukkan bahawa segala tanah, harta dan aset yang terletak pada Majlis Universiti akan, selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta, terletak pada Lembaga Pengarah Universiti.

12. *Fasal 13* bertujuan menambahkan subsidi dan legasi sebagai sumber wang untuk menampung keperluan kewangan Universiti.

13. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 15D dengan memotong subseksyen (9). Dengan pindaan ini kuasa untuk menguruskan seseorang pelajar yang telah digantung atau dibuang daripada Universiti hendaklah terletak pada Menteri sahaja.

14. *Fasal 17* bertujuan menggantikan seksyen 16A untuk mengadakan peruntukan mengenai pertukaran kuasa tatatertib. Di bawah seksyen 16A baru, Lembaga diberikan kuasa untuk melantik jawatankuasa tatatertib yang berlainan berkenaan dengan kategori yang berlainan kakitangan, pegawai dan pekerja Universiti. Kakitangan, pegawai atau pekerja yang menjadi ahli jawatankuasa tatatertib tidak boleh berpangkat lebih rendah daripada mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja yang ke atasnya jawatankuasa tatatertib itu mempunyai kuasa tatatertib. Jika seorang ahli jawatankuasa tatatertib merupakan pengadu dalam mana-mana prosiding tatatertib terhadap mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja, dia tidak boleh menghadiri atau mengambil bahagian dalam prosiding itu. *Fasal* ini juga menetapkan tempoh tiga puluh hari dari penyampaian keputusan sebagai tempoh yang dalamnya sesuatu rayuan di bawah seksyen 16A Akta boleh dibuat kepada Lembaga.

15. *Fasal 18* bertujuan mengadakan peruntukan peralihan berhubung dengan perubahan pihak berkuasa tatatertib Universiti dalam *fasal 17*. *Fasal* ini bertujuan memperkatakan penyelesaian prosiding tatatertib yang, pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta, sama ada boleh dimulakan atau belum selesai di hadapan Jawatankuasa Tatatertib. Prosiding yang belum selesai hendaklah diteruskan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib. Prosiding yang baru hendak dimulakan, hendaklah dimulakan mengikut seksyen 16A baru.

16. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 16B untuk memberi Naib Canselor kuasa tatatertib ke atas pelajar Universiti. Di bawah peruntukan yang sedia ada, kuasa ini terletak pada Timbalan Naib Canselor. Menteri masih lagi kekal sebagai pihak berkuasa rayuan.

17. *Fasal 20* mengandungi peruntukan peralihan berhubung dengan prosiding tatatertib yang belum selesai di hadapan, dan rayuan terhadap keputusan, Timbalan Naib Canselor. Peruntukan peralihan ini adalah perlu disebabkan pertukaran kuasa tatatertib Universiti ke atas pelajar daripada Timbalan Naib Canselor kepada Naib Canselor.

18. *Fasal 21* mengandungi peruntukan peralihan berhubung dengan kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat oleh Majlis Universiti di bawah seksyen 16C yang, apabila mula berkuatkuasanya Akta, hendaklah disifatkan telah dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti.

19. *Fasal 22* bertujuan meminda Akta untuk memasukkan seksyen baru 16D untuk memberi Lembaga Pengarah Universiti kuasa mengenakan surcaj terhadap mana-mana bekas kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang sedang berkhidmat berkenaan dengan apa-apa pembayaran yang tak patut, kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sewajarnya, kegagalan atau kelewatan membuat bayaran, jika tiada penjelasan yang memuaskan bagi tindakan sedemikian diberikan. Amaun surcaj itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Universiti dan boleh didapati atas guaman Universiti atau melalui potongan gaji atau pencen orang yang disurcaj itu, jika Lembaga mengarahkan sedemikian.

20. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 19 Akta yang merujuk kepada mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud mengecualikan Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis itu.

21. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 22 Akta untuk membolehkan peruntukan surcaj dalam seksyen 16D terpakai bagi suatu Kolej Universiti. Perenggan baru (aa) juga dimasukkan untuk menjelaskan bahawa sebutan mengenai "Lembaga" dalam Akta hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai badan eksekutif Kolej Universiti.

22. *Fasal 25 dan 26* bertujuan menjadikan perbuatan menubuhkan, membentuk atau menggalakkan, menguruskan dan menyenggarakan Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pendidikan tinggi dengan taraf Universiti atau Kolej Universiti suatu kesalahan, melainkan jika dibuat mengikut Akta atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawalselia penubuhannya. Penganugerahan ijazah atau diploma oleh institusi pendidikan tinggi juga hendaklah mengikut Akta atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

23. *Fasal 27* bertujuan memasukkan empat seksyen baru. Seksyen baru 24A mengandungi peruntukan mengenai penyampaian dokumen. Seksyen baru 24B bertujuan memberi Universiti, Lembaga, Senat, ahli Lembaga atau Senat, Naib Canselor, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti perlindungan yang diberikan oleh Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948. Seksyen baru 24C bertujuan melindungi perbuatan atau peninggalan Lembaga, ahli Lembaga, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Senat, ahli Senat, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti atau seseorang yang diberikuasa oleh Universiti, yang dilakukan dengan suci hati. Seksyen baru 24D menyifatkan semua ahli Lembaga dan kakitangan, pegawai dan pekerja Universiti sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaaan.

24. *Fasal 29* bertujuan meminda Perlembagaan Universiti dalam Jadual kepada Akta.

Dalam perenggan (*a*), Jadual dinamakan semula sebagai Jadual Pertama.

Perenggan (*b*) bertujuan memotong takrif tertentu dan memasukkan takrif baru tertentu.

Perenggan (*c*) dan (*d*) mengandungi pindaan am kepada Perlembagaan mengenai penggantian perkataan "Akta" dengan "Kaedah" dan "Majlis" dengan "Lembaga".

Jemaah Universiti ditiadakan dan dalam perenggan (*e*), (*n*), (*A*) dan (*E*) sebutan mengenai Jemaah dipotong.

Perenggan (*f*) dan (*g*) bertujuan meminda seksyen 4 Perlembagaan dan memasukkan seksyen baru 4B Perlembagaan untuk memberi Universiti kuasa tambahan bagi membolehkan Universiti memperkemaskan aktivitinya dan membuka laluan bagi penyertaannya dalam pembangunan ekonomi negara melalui kepakaran yang boleh diberikan oleh Universiti. Kuasa tambahan Universiti, antara lain, termasuklah kuasa untuk meminjam wang, menyertai perniagaan usahasama, menubuhkan syarikat dan perbadanan, memperolehi dan memegang bagi pelaburan syer, dsb., dan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak berkuasa dalam pengusahaan komersil tertentu. Perbadanan yang ditubuhkan oleh Universiti hendaklah mematuhi peruntukan seksyen baru 4B Perlembagaan.

Perenggan (*h*) bertujuan meminda seksyen 6 Perlembagaan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemeteraian ijazah, diploma, sijil dan lain-lain kepujian akademik.

Perenggan (*i*), (*j*) dan (*k*) bertujuan meminda seksyen 7,8 dan 9 Perlembagaan bagi menghendaki perlantikan Canselor, Pro-Canselor dan Naib Canselor dibuat atas nasihat Menteri.

Perenggan (*m*) bertujuan meminda seksyen 12 Perlembagaan bagi mengenalpasti Pihak Berkuasa Universiti, yang sebilangan daripadanya telah bertukar nama.

Perenggan (*n*) bertujuan menubuhkan Lembaga Pengarah Universiti yang hendaklah menjadi pihak berkuasa eksekutif Universiti sejajar dengan objektif penyusunan semula pentadbiran Universiti. Seksyen 13, 14 dan 15 yang baru dalam Perlembagaan mengandungi peruntukan yang berhubungannya.

Perenggan (*p*) memperkatakan keahlian baru bagi Senat.

Perenggan (*q*) bertujuan meminda seksyen 18 Perlembagaan untuk memperjelaskan pembahagian Universiti berkenaan dengan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institutinya.

Perenggan (*r*) mengadakan peruntukan mengenai pertukaran nama Lembaga Pengajian kepada Jawatankuasa Pengajian dalam seksyen 19 Perlembagaan.

Perenggan (*s*) bertujuan memperluas peranan Jawatankuasa Pemilih yang dulunya dikenali sebagai Lembaga Pemilih dalam seksyen 20 Perlembagaan. Lembaga Pengarah Universiti diberikan kuasa untuk melantik Jawatankuasa Pemilih yang berlainan bagi perlantikan yang berlainan.

Seksyen 21 Perlembagaan dipinda dalam perenggan (*t*) untuk memberi kesan kepada pertukaran nama Lembaga Kebajikan Pelajar kepada Jawatankuasa Kebajikan Pelajar.

Perenggan (*u*) bertujuan meminda seksyen 22 Perlembagaan untuk meliputi Alumni Universiti.

Seksyen baru 23A yang membolehkan ahli Pihak Berkuasa memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat mereka semasa ketakhadiran pengerusi dimasukkan ke dalam Perlembagaan dalam perenggan (*v*).

Pindaan kepada perenggan 25(*d*) dan 27(*a*) dan seksyen 53 Perlembagaan dalam perenggan (*x*), (*z*) dan (*J*) memperkatakan ijazah, diploma, sijil dan lain-lain kepujian akademik Universiti.

Perenggan (*z*) mengenakan obligasi ke atas Universiti dalam perenggan 27(*i*) Perlembagaan untuk menyediakan kemudahan perpustakaan dan sumber maklumat.

Perenggan (*B*) bertujuan menambahkan subsidi dan legasi sebagai sumber wang untuk membantu kewangan Universiti.

Perenggan (*C*) bertujuan meminda seksyen 41 Perlembagaan bagi membolehkan Lembaga memberikuasa pegawainya sama ada secara khusus atau tertentu bagi memudahkan pembuatan kontrak oleh Universiti.

Dengan terpindanya subseksyen 43(2) dalam perenggan (*E*), akaun teraudit Universiti hendaklah dikemukakan kepada Menteri.

Pindaan terakhir kepada Perlembagaan dalam perenggan (*K*) bertujuan meminda seksyen 54 bagi memberi Menteri kuasa untuk memutuskan pertikaian tentang pemilihan, perlantikan, pencalonan, dsb. ahli Pihak Berkuasa.

25. *Fasal 30* bertujuan memasukkan Jadual Kedua kepada Akta untuk mengawalselia ahli Pihak Berkuasa Universiti yang bukan *ex-officio*.

26. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut dengan nyata adalah pindaan-pindaan yang kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1807.]